



**i-WIN LIBRARY**

INTERNATIONAL  
WAQAF ILMU NUSANTARA  
LIBRARY

[waqafilmunusantara.com](http://waqafilmunusantara.com)  
[admin@waqafilmunusantara.com](mailto:admin@waqafilmunusantara.com)

**i-WIN Library**

**Perpustakaan Internasional Waqaf Ilmu Nusantara**

Office: Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS)

Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia 11800

E-mail: [secretariat.alamnusantara@gmail.com](mailto:secretariat.alamnusantara@gmail.com)

[admin@waqafilmunusantara.com](mailto:admin@waqafilmunusantara.com)

Visit us at: <https://www.waqafilmunusantara.com>

---

---

**Title** : Hubungkait Gerakan Pemisah dan Tuntutan Berkerajaan Sendiri  
di Thailand

**Author(s)** : Muhammad Zamri Bin Maddimunri

**Institution** : The National University of Malaysia

**Category** : Article, Competition

**Topics** : Politics

# HUBUNGKAIT GERAKAN PEMISAH DAN TUNTUTAN BERKERAJAAN SENDIRI DI THAILAND

MUHAMMAD ZAMRI BIN MADDIMUNRI

## PENGENALAN

Kewujudan gerakan pemisahan khususnya di rantau Asia Tenggara majoritinya mempunyai perkaitan dengan proses penjajahan pihak kolonial barat atau kerajaan pusat. Negeri atau wilayah dalam sistem kerajaan federalisme yang mempunyai perhubungan yang tidak baik dengan kerajaan pusat, akan mula bangkit dan memperjuangkan hak autonomi pemerintahan sendiri. Aspirasi untuk menentukan hala tuju pemerintahan sendiri menjadi titik mula perjuangan para penggerak gerakan pemisah atau separatis. Gerakan pemisahan di Asia Tenggara juga tercetus disebabkan oleh tindak balas kelompok minoriti kepada pemerintah (kerajaan pusat) yang dianggap mencabul hak asasi dan kebebasan mereka.

Walaubagaimanapun, timbul persoalan tentang keberkesanan puak separatis ini dalam memperjuangkan hak kebebasan kelompok atau komuniti mereka. Hal ini demikian kerana, negeri-negeri terutamanya kelompok minoriti di rantau Asia Tenggara menghadapi dilema daripada kerajaan pusat dan pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi menentukan halatuju perjuangan mereka. Kedua-dua entiti ini sering dilihat mewujudkan dasar yang menghalang kelompok pemisah ini memperjuangkan hak dan kepentingan mereka. Sehubungan dengan itu, timbul pelbagai konflik dan masalah dalaman negara sehingga kelompok pemisah ini cenderung untuk melakukan aksi keganasan melawan pemerintahan pusat bagi mencapai matlamat autonomi negeri masing-masing.

Perkara ini dapat dilihat apabila konflik yang tercetus sejak sekian lama mula meletus kembali pada tahun 2004. Kejadian serangan dan rompakan senjata di kem tentera di Patani oleh kumpulan yang tidak diketahui menjadi katalis kepada konflik berpanjangan dalam sejarah Patani moden. Bermula daripada itu, intensiti konflik di wilayah Patani meningkat dengan begitu hebatnya sehingga kerajaan Thailand terpaksa menguatkuaskan darurat ketenteraan di Patani sebagai salah satu langkah menghalang kegiatan keganasan berlarutan. Walaupun kemasukan tentera dan polis yang ramai ke wilayah Patani, namun ianya masih gagal berjaya menjaga keamanan dan keselamatan

penduduk awam (Muhs Danial, 2004). Hal ini kerana, serangan seperti pengeboman, penculikan, tembak curi dan lain-lain masih lagi berlaku. Oleh itu, penulisan pada kali ini akan memfokuskan kepada sentimen anti-pemerintahan pusat yang berlaku di Wilayah Patani, Selatan Thailand yang mendorong kepada gerakan pemisah di Patani yang dipelopori oleh Orang Melayu Islam Patani (OMIP) memperjuangkan hak pemerintahan sendiri.

## LATAR BELAKANG THAILAND

Negara Thailand didirikan pada pertengahan abad ke-14 dengan nama Siam. Pada tahun 1939, Siam kemudiannya dikenali sebagai Thailand. Dalam menjalankan tadbir urus negara, Thailand ialah negara monarki yang mengamalkan konsep berperlembagaan dan dibahagikan kepada tujuh kawasan iaitu Greater Bangkok, Central, Southern, Eastern, Northeastern, Northern dan Western. Kawasan Selatan Thailand merupakan kawasan Patani, Yala, Narathiwat dan Songkhla. Keempat-empat daerah ini merupakan wilayah yang majoriti rakyatnya menganut agama Islam dan beretnik Melayu. Manakala, Perdana Menteri adalah sebagai ketua kerajaan. Rama IX atau Bhumibol Adulyadej merupakan ketua negara yang paling lama memerintah dalam sejarah Thailand moden iaitu sejak tahun 1946 hingga tahun 2016. Kemangkatan baginda pada akhir tahun 2016 menjadikan Maha Vajiralongkorn sebagai pewaris tunggal (Mohd Aziz, 2008).

Thailand terdiri daripada penduduk yang *multi-religion*. Majoriti penduduk atau rakyat Thailand menganut agama Buddha iaitu sebanyak 54.5 juta (87.2 peratus) diikuti agama Islam sebanyak 7.5 juta atau 12 peratus. Penganut Kristian seramai 450 ribu (0.72 peratus) dan 10 ribu untuk agama lain-lain seperti Hindu dan Paganisme. Thailand mempunyai konflik dalaman negara apabila wujudnya gerakan pemisah atau separatis di Selatan Thailand khususnya di wilayah Patani.

Merujuk konteks sejarah, Patani merupakan sebuah kerajaan Melayu Islam yang kuat dan diperintah oleh seorang sultan yang daerah kekuasaanya melebihi daerah kekuasaanya melebih wilayah di Patani sekarang. Sekitar abad ke-16, Patani menjadi sebuah kerajaan besar di semenanjung Malaya. Patani bukan sahaja menjadi pusat perdagangan dan pelabuhan entrepot bagi pedagang yang datang daripada kawasan Asia Tenggara, malah ianya juga terkenal dalam kalangan pedagang yang datang daripada

Barat dan Timur. Pada tahun 1902, terjadinya pengilhakan terhadap Patani yang menyebabkan wilayah tersebut dikuasai oleh Thailand (Al-Fatani, 1994). Rentetan itu, wujudnya perjanjian Anglo-Siam pada tahun 1909.

Intipati daripada perjanjian tersebut ialah wilayah Patani bukan lagi sebuah negara Melayu yang berdaulat tetapi sudah menjadi sebahagian daripada kerajaan Thailand sekali gus memberikan kesan yang sangat besar kepada wilayah Patani. Tambahan lagi, dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh pemerintah Siam telah membahagikan Patani kepada tujuh negeri kecil yang kemudiannya disusun semula menjadi empat negeri kecil iaitu Patani, Yala, Narathiwat dan Songkhla. Keadaan ini menjadikan situasi politik yang semakin meruncing di selatan Thailand. Hal ini demikian kerana, wilayah Patani yang sebelumnya mempunyai autonomi pemerintahan harus tunduk kepada kerajaan Siam yang menggunakan polisi yang berat sebelah (Farish, 2004) . Dari sudut geopolitik, perubahan yang cukup signifikan dilihat pada wilayah Patani. Hal ini demikian kerana, Patani yang pra-pengilhakan merupakan negara yang merdeka dan berdaulat terpaksa menjadi sebahagian daripada kelompok minoriti di Thailand. Perubahan tersebut menyebabkan kemunculan gerakan pemisah yang menentang pemerintahan pusat dan menuntut kepada pemerintahan bercorak autonomi (Zamberi,1993).

Terdapat beberapa sebab yang menyebabkan kerajaan Siam mengubah polisi pemerintahannya terhadap wilayah Patani. Perubahan polisi pemerintahan Siam ini dilihat mempunyai pertalian yang rapat dengan pergolakan yang berlaku di Asia Tenggara khususnya pada tahun 1890-an. Kehadiran kuasa-kuasa besar Eropah dengan tujuan untuk penaklukan di Asia Tenggara menimbulkan kerisauan pihak Siam terhadap kedaulatan negaranya khususnya wilayah yang terpencil daripada kawalan kerajaan pusat di Bangkok (Nik Anuar, 2008). Wilayah ini termasuklah negeri-negeri Melayu di Selatan Siam. Kerajaan Siam khuatir jika wilayah-wilayah ini tidak disatukan dibawah satu pemerintahan, ianya berkemungkinan akan dikuasai oleh kuasa-kuasa Barat.

Hubungan yang agak tegang antara penduduk Orang Melayu Islam Patani dan kerajaan Siam berpanjangan. Terdapat juga usaha yang cuba dilakukan oleh kedua-dua pihak bagi menjernihkan dan mendamaikan semua pihak, tetapi usaha tersebut seringkali menemui jalan buntu. Scenario inti berterusan sehingga tahun 70-an. Penentangan oleh Orang Melayu Islam Patani menjadi semakin sistematik apabila

wujudnya kumpulan-kumpulan yang diiktiraf. Gerakan-gerakan ini menuntut kemerdekaan wilayah selatan dan menginginkan wilayah tersebut dipisahkan daripada pemerintahan pusat (Syukri, 1958). Kumpulan tersebut adalah seperti Pattani United Liberation Organization (PULO), Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP), Barisan Revolusi Nasional (BRN) dan Wa Ka Rae (WKR) (Irwan & Agus, 2020).

### **ORANG MELAYU ISLAM PATANI (OMIP)**

Menurut Syukri Ibrahim dalam bukunya Sejarah Kerajaan Melayu Patani (1958) membincangkan tentang orang Melayu Patani boleh dilihat daripada awal kewujudan negeri Patani. Hal ini demikian kerana, kewujudan negeri Patani mempunyai perhubungan dengan perkembangan ketamadunan orang Melayu di Patani. Menurut Zamberi Malek dalam bukunya Pensejarah Patani (2006) menyatakan bahawa kewujudan Patani dapat dikaitkan dengan kerajaan Langkasuka iaitu kerajaan Hindu-Buddha yang wujud pada awal abad masihi. Pada tahun 775 masihi, Langkasuka yang diperintah oleh Raja Maha Bangsa diserang dan ditakluki oleh Raja Seri Wijaya daripada Palembang, Indonesia. Raja Seri Wijaya memindahkan kota pentadbiran berhampiran pantai yang diberi nama sebagai Patani sempena nama kampung Pak Tani. Gelaran ini lama-kelamaan bertukar kepada Patani.

Daripada sudut rumpun bangsa, masyarakat Orang Melayu Islam Patani mempunyai rumpun bangsa Melayu yang sama dengan masyarakat melayu di Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia. OMIP di selatan Thailand berakar umbi daripada dunia Melayu tetapi dari sudut politiknya dimiliki oleh Bangsa Thai yang beragama Buddha. OMIP amat berpegang teguh dengan ajaran agama Islam. Naratif sejarah menunjukkan bahawa Islam sampai ke Patani pada abad ke 10 dan selepas 300 tahun, Islam tersebar luas ke Patani. Hal ini disebabkan oleh, pemerintah Patani iaitu Sultan Ismail Syah menjadi Raja Patani pertama yang memeluk agama Islam pada tahun 1457 masihi. Zamberi Malek juga menambah dalam karyanya Pensejarahan Patani bahawa kemasukan Islam ke istana Patani berlaku seawal tahun 800 masihi. Pedagang-pedagang khusunya yang berlayar daripada Timur Tengah memainkan peranan besar dalam menyebarkan agama Islam di Patani sehingga ianya menjadi sebuah negara Islam sebelum ditakluki oleh kerajaan Siam yang menganut agama Buddha (Syukri, 1958).

Dalam konteks bahasa pula, OMIP di selatan Thai bertutur dalam bahasa Melayu dialek Patani. Walaupun mempunyai perbezaan yang sedikit dengan dialek orang Melayu di Malaysia, ianya masih boleh difahami. Hal ini khusus dengan orang Melayu yang tinggal berhampiran sempadan dengan wilayah mereka. Contohnya, dialek Melayu Patani, Narathiwat dan Yala seakan sama dengan cara dan bunyi percakapan orang negeri Kelantan, manakala dialek wilayah Satun sama dengan percakapan dialek daripada Perlis, Kedah dan Pulau Pinang (Zamberi, 1994).

Pengamalan Orang Melayu Islam Patani daripada sudut budaya juga tidak jauh berbeza dengan masyarakat Melayu di Malaysia, Indonesia dan Brunei. Hal ini demikian kerana, kebanyakan negara yang terletak di Asia Tenggara tergolong dalam rumpun Melayu Nusantara. Kesenian yang terdapat dalam budaya Melayu seperti seni tembikar juga wujud dalam masyarakat Melayu Patani. Melayu Patani juga menghasilkan budaya Melayu yang lain seperti periuk nasi, belanga tanah, bekas air, tikar mengkuang dan lain-lain lagi.

## **TEORI SEPARATISME**

Menurut Rahimulla Chidchanok (2001) dalam penulisannya *Peace Resolution: A case study of separatism and terrorist movement in southern border provinces of Thailand*, terma separatisme ini merujuk kepada pemisahan yang disebabkan oleh perbezaan yang terdapat dalam aspek-aspek seperti budaya, etnik dan agama. Perbezaan ini akan menyebabkan kelompok tertentu yang minoriti ingin memisahkan diri daripada tanah besar atau negara induk. Dalam beberapa kes, ianya disebut sebagai gerakan pemisahan negeri atau wilayah daripada kerajaan pusat. Gerakan pemisahan ini menginginkan autonomi atau kuasa penuh politik bagi membina negara yang baharu serta berdaulat.

Gerakan ini bergantung kepada senario di kawasan masing-masing iaitu sama ada bertujuan untuk memperoleh kemerdekaan, berusaha menuntut hak asasi yang dicabul, menginginkan kuasa penentu serta mendapatkan semula wilayah yang telah diambil semasa zaman penjajahan. Objektif golongan pemisah ini lebih jelas berbanding puak pengganas. Hal ini demikian kerana, berbanding pihak teroris, gerakan separatis ini sentiasa berjuang menuntut wilayah mereka sendiri yang merdeka berbanding pihak pengganas yang lebih berfokus kepada penggunaan kuasa secara tidak

sah. Di samping itu, puak teroris mempunyai kepentingan ideologi tersendiri dalam mencapai objektif politik yang mendorong golongan ini mensasarkan keganasan kepada masyarakat awam yang tidak bersalah (Irwan, 2020).

Gerakan separatis bermatlamatkan penubuhan sebuah negara atau wilayah autonomi di bawah kuasa penduduk tempatan tanpa kawalan daripada kerajaan pusat. Najmul Abedin (1989) melalui penulisannya dalam *The Politics of Separatism: Some Reflections and Questions* menyebutkan bahawa ;

*Separatism amounts to the unwillingness of a group of people or of a region to feel an integral part of the community or of the state to which it belongs. In other words, it implies political alienation or lack of national identity and loyalty. It stands in the way of the development of a sense of national integration and of homogeneity in a heterogeneous society.*

Gerakan separatis dilihat mempunyai jalan dan halangan yang sukar dalam usaha untuk mencapai matlamat dan objektif perjuangan. Perkara ini terjadi disebabkan oleh keengganan kerajaan pusat bertolak ansur apatah lagi melepaskan wilayah yang dianggap sebagai sebahagian negara mereka yang berdaulat. Melepaskan sesebuah wilayah kepada puak pemisah menunjukkan kerajaan pusat tidak berdaulat dan lemah.

## **FAKTOR-FAKTOR PENENTANGAN**

Polemik yang dihadapi oleh masyarakat Melayu di khususnya wilayah Patani sebenarnya didorong oleh faktor politik dan bukannya disebabkan oleh aspek budaya dan agama sebagaimana difahami oleh sesetengah masyarakat. Faktor-faktor seperti agama, bahasa, ekonomi dan sosial budaya hanya menyumbang kepada keadaan yang kritikal dalam konflik di Patani selepas wilayah tersebut diserap masuk sebagai sebahagian daripada negara Thailand. Masyarakat Melayu Patani mendapat layanan yang buruk daripada pihak Siam sejak Patani tewas kepada Siam sejak tahun 1786 lagi (McCargo, 2009). Pada masa tersebut, pencabulan hak kebebasan dan hak asasi manusia sudah dilakukan oleh pihak Siam kepada pihak Patani yang tewas. Peperangan sering terjadi antara kedua belah pihak dan apabila kerajaan Patani tewas, mereka akan dijadikan tawanan perang dan dilayan dengan kejam dan tidak adil oleh pihak Siam.

Patani telah menjadi wilayah jajahan kerajaan Siam yang berpusat di Bangkok. Berbagai-bagai dasar dan pendekatan politik telah dilaksanan oleh pihak penjajah Siam

di Patani. Polisi yang dilakukan berbentuk tekanan dan paksaan ke atas orang Melayu Patani bagi memastikan rakyat di wilayah tersebut tidak bangkit menentang serta merebut kembali tumpuk kekuasaan daripada Siam. Kesannya, rakyat di wilayah Patani mengalami transformasi yang berbentuk destruktif apabila keadaan sosio politik mereka terabai dan terjejas (Zamberi, 1993).

Menelusuri sejarah, sentimen anti pemerintahan pusat ini sebenarnya bermula sejak tahun 1786 lagi iaitu apabila Siam berjaya menakluki kerajaan Kesultanan Melayu Patani melalui siri perang. Bermula daripada itu, kerajaan Siam menguatkuasakan dasar pecah dan perintah bertujuan untuk melemahkan kuasa pemimpin-pemimpin Melayu supaya tidak bangkit memberontak. Seperti yang disebutkan dalam bahagian Latar Belakang Thailand di atas, Patani telah dipecahkan kepada tujuh wilayah dan setiap satunya telah dilantik raja-raja yang menjadi ‘boneka’ kepada kerajaan Siam pada Ketika itu. Pemecahan negeri ini juga merupakan salah satu usaha kerajaan Siam untuk memastikan proses pemasatan kuasa berjaya dibentuk disebabkan kuasa besar daripada Eropah sudah mula berlumba-lumba mencari kawasan jajahan di Asia Tenggara termasuklah Patani. Rekod kejayaan Perancis menduduki kawasan di Timur Sungai Mekong membuatkan pemerintah Siam semakin runting dengan tanah jajahannya yang terletak di selatan (Nik Anuar, 2008). Turut menambah kegusaran pemerintah Siam ialah tindakan British yang aktif untuk menguasai dan menduduki wilayah Timur Laut Burma, Selatan China dan negeri-negeri di Tanah Melayu sehingga di Segenting Kra. Hal ini menjadikan Siam semakin tersepit dan diancam oleh kuasa Barat.

Penulis membahagikan isu utama yang menjadikan Orang Melayu Islam Patani menentang pemerintahan pusat Siam. Antaranya ialah :

### **Dasar dan Polisi Kerajaan Thailand**

Bagi memastikan Siam kekal utuh walaupun dikelilingi kuasa besar Eropah, Raja Chulalongkorn telah memperkenalkan dasar Thesaphiban yang bertujuan untuk merealisasikan dasar pemasatan kuasa. Raja Chulalongkorn dengan bantuan Putera Damrong yang bertindak sebagai Menteri Dalam Negeri pada Ketika itu telah menjalankan Akta Pentadbiran Daerah yang dikenali sebagai *Phraratchabanyat Laksana Pakhrong Thongti* dan kemudiannya diperkemaskan pada tahun 1899 melalui Peraturan Mengenai Pentadbiran Wilayah yang dikenali sebagai *Kho Bangkhap*

*Pokhrong Huamung*. Dasar dan polisi Thesaphiban ini telah membawa kepada penentangan khususnya oleh Raja-raja Melayu (Farish, 2004). Hal ini kerana, polisi ini bertujuan untuk mengurangkan kekuasaan orang Melayu ke atas Patani secara perlahalan. Klimaksnya, pada tahun 1902, kerajaan Siam telah melucutkan kedudukan Tengku Abdul Kadir selaku raja Patani sekali gus menghapuskan kedudukan raja di Patani. Oleh itu, segala urusan pemerintahan bergantung kepada Pesuruhjaya Siam dan tamatlah sistem pemerintahan raja-raja Melayu di Patani (Yaacob, 2009).

Hal tersebut sememangnya menjadi katalis kepada penentangan oleh Orang Melayu Islam Patani. Dasar dan polisi Siam dilihat sangat zalim dan tidak adil. Selepas Raja Chulalongkorn, anakanda baginda iaitu Raja Vajiravudh atau Rama VI mengukuhkan lagi kekuasaan di Siam. Siam dibawah pemerintahan Rama VI membawa pendekatan semangat nasionalisme yang memetingkan ‘Tuhan, raja dan negara’ telah diubah oleh Rama VI dengan menjadikan ketiga-tiga elemen ini sebagai symbol yang wajib ditaati oleh rakyat. Polisi ini sememangnya berlawanan dengan agama Islam yang menjadi anutan majoriti rakyat Selatan Thailand. Keadaan ini memperlihatkan orang Melayu di Selatan Thailand khususnya bangun menentang bagi membela identiti dan budaya mereka (Farish, 2004). Walaubagaimanapun, kerajaan Siam melalui Rama VI masih lagi berhasrat meneruskan agenda penyatuan rakyat walaupun tidak disenangi oleh rakyat, tetapi melalui medium yang berlainan. Oleh itu, kerajaan Siam menubuhkan *Educational Act 1921* yang mana anak-anak orang Melayu dikehendaki belajar di sekolah Bahasa Thai di samping campurtangan pusat terhadap birokrasi pentadbiran dalam urusan sosial dan ekonomi.

Polisi yang menyalimi Orang Melayu Islam Patani semakin diteruskan apabila pada tahun 1938, satu dasar baharu negara diperkenalkan. Dasar yang dikenali sebagai Rathaniyom ini diperkenalkan oleh Jeneral Plack Phibul Songkhram selaku Perdana Menteri kedua selepas rampasan kuasa 1932. Dasar ini menyatakan bahawa hanya ciri-ciri kebudayaan Thailand sahaja yang boleh dikembangkan di negara tersebut. Polisi tersebut telah dikeluarkan dalam bentuk dekri untuk memaksa semua rakyat untuk bersatu mencapai konsep satu negara, satu bangsa. Bagi memperkuatkan lagi polisi ini, pada tahun 1940, satu dewan budaya Thai dikenali Sepa Watana Tam telah ditubuhkan (Yaacob, 2009). Antara skop tugas dewan tersebut ialah ialah memajukan serta menyebarluaskan kefahaman kebudayaan Thai ke seluruh negara.

Di Patani, orang Melayu tidak dibenarkan memakai pakaian tradisi Melayu. Hal ini termasuklah pemakaian songkok, berkain pelikat, berjubah, berbaju kurung, bertudung dan sebagainya. Sebaliknya, mereka dipaksa untuk memakai seluar, bertopi dan berbaju gaun bagi wanita. Selain itu, di samping tidak boleh bertutur dalam Bahasa Melayu, nama-nama tempat dan individu di tiga wilayah juga turut ditukar ke dalam bahasa Thai. Dari segi tatacara hidup, mereka dipaksa makan menggunakan sudu dan garfu serta meja sebagai pengalas.

Kebebasan dan kelonggaran yang telah diberikan kepada Orang Melayu Islam Patani semasa pemerintahan Rama VI telah ditarik balik. Penarikan ini khususnya dalam isu hukum nikah-cerai dan wasiat. Justeru, undang-undang berkaitan dengan pengadilan secara syariat telah dipindahkan ke mahkamah sivil. Perkara ini menjadi lebih kontroversi apabila isu berkenaan dengan orang Islam akan dihakimi dan diadili oleh hakim yang berbangsa Thai-Buddha. Dasar Rathaniyom ini secara jelas telah menindas serta menafikan hak mutlak Melayu di Patani untuk mengamalkan adat dan budaya serta tuntutan agama mereka (Zamberi, 2006). Semasa pemerintahan Phibul Songkhram, orang Melayu Islam Patani mengalami proses asimilasi yang cukup hebat hingga membawa penentangan khususnya oleh pemimpin Melayu seperti Haji Sulong Abdul Kadir, Tengku Abdul Jalal, Tengku Mahmood Mohyideen dan lain-lain lagi.

Disebabkan senario penentangan ini, ianya sedikit sebanyak Berjaya mengurangkan tekanan yang dialami oleh rakyat Patani. Jeneral Khuang Aphaiwon dan Pridi Phanayom yang memerintah Thailand selepas kejatuhan Phibul Songkhram telah menghapuskan dasar Rathaniyom. Hal ini memberi kelegaan kepada orang Melayu Patani. Namun demikian, pada tahun 1957, Phibul Songkhram Berjaya merampas kuasa daripada Khuang Aphaiwong menyebabkan Orang Melayu Islam Patani sekali lagi mengalami proses asimilasi. Rentetan itu, Phibul Songkhram sekali lagi digulingkan dan digantikan oleh Jeneral Sarit Thanarat yang mempunyai strateginya sendiri dalam mengasimilasikan orang Melayu. Dasar-dasar yang dibawa olehnya ialah untuk membentuk masyarakat Thai yang mengamalkan satu bahasa, satu budaya, satu agama dan satu negara (McCargo, 2009). Jeneral Sarit merupakan seorang yang licik kerana berjaya menggunakan platform pendidikan sebagai pendekatan untuk menerapkan nilai-nilai Thai-Buddha dalam pengamalan agama Islam.

Di samping itu, untuk memperkemaskan dasar dan polisi yang dijalankan, kerajaan Thailand telah memberi arahan bahawa sesiapa yang tidak menyokong dasar-dasar kerajaan walau dalam apa-apa cara sekali pun akan dipisahkan daripada majoriti masyarakat Thailand (Chidchanok, 2001). Pendekatan ini sedikit sebanyak mengurangkan jurang perkauman yang wujud antara bangsa Melayu dengan orang Thai. Penentangan OMIP yang menolak kepada dasar kerajaan dilihat sebagai satu bentuk penderhakaan dan hal ini dipandang serong dan prejudis oleh masyarakat Thai-Buddha. Perkara ini disebabkan oleh masyarakat Thai-Buddha beranggapan bahawa dasar dan polisi yang dibawa oleh kerajaan adalah berniat baik dan penuh sistematik.

### **Politik dan Kemerdekaan**

Perkembangan politik di selatan Thailand khususnya di Patani dibayangi oleh aksi-aksi seperti diskriminasi, pembunuhan, penindasan dan rasuah. Anand Panyarachun, seorang mantan Perdana Menteri Thailand yang juga merupakan Pengurus bagi *National Reconciliation Commision* (NRC) menyatakan bahawa ;

*“Masalah utama di Selatan Thailand adalah politik, manakala sosial, ekonomi, identiti adalah suatu yang kecil sahaja. Jadi, politik perlu ditukar dengan politik yang menyelesaikan masalah”*

(Anand Panyarachun)

Kenyataan ini sememangnya benar disebabkan gerakan anti pemerintahan yang dilancarkan oleh Orang Melayu Islam Patani kepada kerajaan Thailand bertumpukan kepada soal mendapatkan kemerdekaan. Tuntutan kemerdekaan ini disebabkan aksi kerajaan Siam yang menjadikan negeri Patani sebagai tanah jajahan. Hal ini menjadi perkara yang sensitif buat Orang Melayu Islam Patani kerana wilayah tersebut dahulunya ditadbir oleh Kesultanan Melayu Patani. Menurut Miall, Ramsbotham dan Woodhouse melalui buku *Contemporary Conflict Resolution*, menyatakan bahawa terdapat 3 faktor yang menjadikan sesuatu kelompok etnik bangun untuk menentang atau memberontak. Antaranya ialah wujud sejarah atau scenario yang memberi tekanan kepada kelompok ini satu masa dahulu yang menyebabkan semua kekuasaan mereka telah dirampas oleh golongan lain khususnya kekuasaan dalam bentuk ekonomi dan politik. Justeru, gerakan pemisah masih lagi berhasrat untuk merampas semula atau mengambil semula kuasa politik di Patani dengan menjadikan gerakan bersenjata

sebagai platform perjuangan. Pertembungan pihak-pihak yang menjadi pemain utama dalam isu politik di selatan Thai ini mewujudkan episode yang silih berganti yang menyebabkan banyak kes kehilangan pemimpin dan pembunuhan terhadap pihak Orang Melayu Islam Patani berlaku kerana menuntut kemerdekaan dan pemisahan daripada kerajaan Thailand. Kewujudan kumpulan gerakan pemisah atau golongan separatis pada sekitar tahun 60an yang menjadikan persenjataan sebagai simbol perjuangan disumbang oleh kesedaran dalam kalangan anak watan Patani yang mendapat pengajian dari dalam dan luar negara.

Penentangan terhadap polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan Thailand telah memberi impak yang negatif kepada identiti dan budaya Orang Melayu Islam Patani. Penentangan yang dilakukan oleh Orang Melayu Islam Patani untuk mendapatkan autonomi politik di Patani dianggap sebagai mencabar kedaulatan dan dominasi kuasa pemerintah pusat di wilayah Selatan Thailand. Oleh itu, kerajaan Thailand menggunakan pendekatan asimilasi sebagai jawapan untuk mengatasi tuntutan hak politik mereka di Patani. Orang Melayu Islam Patani kini mengalami proses asimilasi ke dalam budaya dan identiti Thai-Buddha (Zamberi, 1993).

Keyakinan dan anggapan kerajaan Thailand bahawa asimilasi merupakan platform untuk mengatasi isu pemberontakan dan sebagai alat perdamaian antara kedua belah pihak ternyata meleset. Pegangan dan kepercayaan Orang Melayu Islam Patani yang teguh terhadap identiti dan budaya mereka menyebabkan ianya bertentangan dengan polisi asimilasi kerajaan Thailand (Nik Anuar, 2008). Hal ini menyebabkan konflik yang berpanjangan dan berdarah wujud. Senario ini merupakan hubungkait antara isu politik dengan hal ehwal budaya dan identiti iaitu pada awalnya Orang Melayu Islam Patani menuntut kepada kemerdekaan tetapi serangan balas kerajaan Thailand melalui dasar dan polisi adalah berkisarkan kepada budaya dan identiti Orang Melayu Islam Patani. Kedua-dua elemen ini merupakan isu yang menjadi alasan kepada konflik yang berlaku di Selatan Thailand.

## **Identiti**

Pemberontakan Orang Melayu Islam Patani (OMIP) untuk mengembalikan hak politik orang Melayu Islam khususnya di wilayah Patani memberi isu-isu baru yang membawa kepada polemik yang berpanjangan. Kedegilan Orang Melayu Islam Patani

untuk tidak bersetuju dengan dasar dan polisi kerajaan Thailand yang membabitkan asimilasi memberikan imej yang negatif kepada OMIP sehingga pemerintah pusat menganggap mereka sebagai rakyat kelas kedua. Hal ini menjurus kepada pegawai berbangsa Siam yang berkhidmat di wilayah Selatan Thailan ini tidak menghormati budaya dan cara hidup orang Melayu. Senario ini dapat dilihat di jabatan-jabatan kerajaan yang lebih mengutamakan orang Thailand berbanding orang Melayu walaupun berada di lokaliti yang majoriti penduduknya orang Melayu Islam. Keadaan ini adalah sebahagian gambaran akibat daripada kesan penentangan yang diterima oleh OMIP. Mereka menentang akta kerajaan Thailand yang cuba mengasimilasikan OMIP dengan cara paksaan iaitu dengan memaksa OMIP mengamalkan bahasa, cara pemakaian, sejarah, pendidikan dan adat budaya yang berteraskan Thai-Buddha. Orang Melayu Islam Patani juga digelar sebagai ‘Khaek’ atau pendatang (Syukri, 1958). Hal ini disebabkan oleh kedegilan OMIP untuk menerima identiti Thai-Buddha yang dipaksa oleh kerajaan Thailand. Perkara ini memberi tamparan dan penghinaan kepada OMIP kerana mereka dianggap sebagai pendatang sedangkan wilayah selatan Thailand adalah milik mereka tetapi dijajah oleh kerajaan Siam. Senario ini diburukkan lagi dengan kerajaan Thailand memberi pengertian yang berbeza-beza tentang bangsa Melayu di Patani. Mereka digelar dengan Thai-Islam atau Thai-Muslim untuk memberi perbezaan dengan penduduk majoriti Thai-Buddha di negara Thailand (Zamberi, 2006).

Isu identiti ini wujud apabila kerajaan Thailand cuba mengimplementasikan dasar dan polisi bersifat asimilasi yang akhirnya membawa kepada konflik yang semakin rumit. Menurut Salhi Awe, pegawai penyelidik di *Research Center for Peace Building*, Mahidol University menyatakan bahawa anak-anak muda di wilayah Patani lebih bertutur dalam bahasa Thai berbanding Bahasa Melayu. Konflik berdarah dan bersenjata pada tahun 2004 adalah berkait rapat dengan isu identity. Insiden seperti pembakaran sekolah, tembak guru dan penjawat awam mempunyai hubungkaitnya dengan penentangan terhadap sistem pendidikan berkonsep Thai-Buddha. Kerajaan Thai juga cuba untuk memadamkan perkataan Melayu dalam identiti OMIP di selatan Thailand apabila cuba untuk menggelarkan atau memperkenalkan penduduk di sana sebagai Thai-Muslim. Orang Melayu Islam Patani secara jelas menolak istilah atau gelaran ini disebabkan oleh mereka mengetahui bahawa bangsa Melayu sememangnya sinonim dengan agama Islam. Hal ini kerana, bangsa Melayu sudah lama memeluk Islam. Orang Melayu Islam Patani juga beranggapan bahawa apabila seseorang itu

digelar Melayu maka ia akan merujuk kepada agama Islam manakala apabila seseorang itu digelar Thai maka ianya akan merujuk kepada agama Buddha. Jelas disini bahawa pertentangan antara identiti menjadikan OMIP bangkit menentang dasar dan polisi yang telah digubal dan dilaksanakan oleh kerajaan Thailand (Nik Anuar, 2008).

## **Ekonomi**

Pendapatan rendah dan jumlah keluarga miskin merupakan isu ekonomi yang menjadi faktor penentangan dan cetusan kepada konflik pada tahun 2004. Ketiga-tiga wilayah di selatan Thailand mempunyai sumber semulajadi yang boleh menjana pendapatan penduduk namun demikian ianya tidak ditadbir urus dengan baik oleh kerajaan Thailand. Pendapatan per kapita bagi penduduk ketiga-tiga wilayah ini ialah RM928.5 bagi Patani, RM1778.3 bagi wilayah Yala dan RM1506.6 bagi Narathiwat (Che Mohd Aziz, 2011). Selain itu, menurut Saek Jitpiromsri (2009) dalam kajian *Southern Border Provinces* menyatakan bahawa seramai 699 orang daripada 1143 responden di Patani menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai pendapatan yang cukup. Responden ini juga turut hilang pekerjaan disebabkan oleh konflik antara puak pemisah dan kerajaan Thailand berpanjangan dan semakin meruncing. Selain itu, ketidakseimbangan ekonomi turut berlaku disebabkan oleh jurang antara kaum yang menguasai ekonomi juga sangat ketara. Hal ini demikian kerana, kebanyakan sektor perusahaan seperti dalam bidang perindustrian, pertanian dan perikanan dikuasai oleh kaum Thai-Buddha dan Cina.

Hal ini menjurus kepada Orang Melayu Islam Patani tidak dapat bersaing dengan peniaga-peniaga lain dan hanya mampu menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan sahaja. Keadaan ini ekoran daripada kerajaan Thailand yang menjalankan polisi Nikhom Sang Tong Eng semasa pentadbiran Field Marshal Thanom Kittikachorn pada tahun 1968. Dasar ini membawa maksud ‘Rancangan Keluarga Setia’ iaitu orang Thai-Buddha yang berasal daripada timur, barat dan utara dibawa ke selatan untuk membentuk penempatan baharu dan diberi tanah oleh pihak pemerintah untuk dimajukan. Mereka ini terdiri daripada bekas tentera atau polis yang akan diberi pelbagai kemudahan asas untuk penempatan baru (Yaacob, 2009). Manakala, kerajaan menggalakkan penduduk tempatan di Selatan Thai untuk berhijrah ke wilayah lain. Visi

dan matlamat Field Marshal Thanom Kittikachorn pada Ketika itu ialah untuk menempatkan seramai 250,000 keluarga Thai-Buddha melalui 7 skim Nikhom yang terdapat dalam tiga wilayah. Sebelum pemindahan dilakukan, kerajaan Thailand telah mengambil tanah-tanah di tiga wilayah iaitu Patani, Narathiwat dan Yala sebagai sebahagian daripada polisi Nikhom Sang Tong Eng. Ianya diambil untuk dijadikan sebagai tanah rancangan bagi dibangunkan. Tanah rancangan tersebut disediakan pelbagai kemudahan dan infrastruktur atas alasan untuk membangunkan ekonomi dan sumber pendapatan orang tempatan. Namun, realiti yang berlaku ialah ianya merupakan rancangan kerajaan Thailand untuk mengurangkan jumlah masyarakat Melayu Islam di tiga wilayah tersebut di samping mengintegrasikan budaya kedua-dua kelompok agar saling memahami (Zamberi, 1994). Dasar ini secara tidak langsung akan mengurangkan penentangan Orang Melayu Islam Patani di wilayah selatan Thailand. Kebanyakan kampung-kampung orang Melayu mula menunjukkan pengaruh binaan Thai-Buddha.

Senario ini memberi kesan kepada OMIP apabila sumber alam yang mereka milik dieksplotasi oleh pihak luar dan bukannya orang asal. Perkara ini diburukkan lagi dengan hasil keuntungan yang diperoleh daripada perlombongan sumber alam tidak diberikan kepada penduduk setempat. Keuntungan tersebut juga tidak digunakan untuk memajukan wilayah di Selatan Thailand tetapi ianya disalurkan kepada kerajaan pusat untuk membangunkan wilayah lain di Thailand.

## Pendidikan

Pendidikan menjadi mekanisme kerajaan Thailand untuk mengasimilasikan penduduk di Selatan Thailand. Melalui Akta Pelajaran 1921, kerajaan mewajibkan buku pelajaran agama Islam dicetak dalam bahasa Thai dan mana-mana pelajar Melayu perlu dihantar ke sekolah kebangsaan Siam. Penguatkuasaan akta ini menjadi polemik dan pencetus kepada konflik pendidikan di wilayah-wilayah Selatan Thailand. Kerajaan Thailand menganggap bahawa taraf pendidikan sekular adalah berada di tahap yang rendah dan perlu dipertingkatkan melalui sistem integrasi nasional. Kerajaan Thailand telah mengambil dan menempatkan guru-guru bahasa Thailand untuk mengajar di pondok-pondok yang menjadi platform pendidikan kaum Melayu di Selatan Thailand. Kerajaan juga mewajibkan pengurusan sekolah pondok untuk mengikuti silibus pelajaran kebangsaan. Selain itu, kerajaan berusaha membawa guru-guru agama untuk melawat kota Bangkok bagi melihat dan mengikuti taklimat berkenaan garis panduan

sukatan pelajaran kebangsaan. Inisiatif berbentuk geran pendidikan juga ditawarkan kepada sekolah pondok yang membenarkan bahasa Thai diajar di sekolah pondok mereka. Pada perspektif penduduk tempatan, dasar ini merupakan satu polisi yang menekan dan mendiskriminasikan orang Melayu (Al-Fatani, 1994).

Walaubagaimanapun, pada tahun 1993, isu ini mula dipersoalkan semula oleh orang Melayu Islam Patani. Jabatan Pendidikan Wilayah juga terpaksa mengajukan perkara ini kepada Kementerian Pendidikan bagi membentang pembentukan semula sistem persekolahan di kawasan OMIP melalui Parlimen. Hal ini disebabkan oleh penentangan yang berterusan oleh OMIP berkenaan dengan perkara ini. Justeru, pada Mac tahun 1993, Kementerian Pendidikan telah mengumumkan perlaksanaan sistem pendidikan yang baharu akan dilaksanakan di wilayah muslim iaitu melatih dan memberi penerangan kepada penduduk tempatan sebagai guru agama serta memperkenalkan pengajaran Islam dalam pendidikan awam (Danial, 2004). Melalui sistem pendidikan yang baharu itu juga, pelajar dibenarkan untuk memakai pakaian yang bertepatan dengan syariat Islam sebagai pakaian seragam untuk ke sekolah. Namun begitu, walaupun sistem pendidikan tersebut diperkenalkan pada tahun 1993, masih lagi berlaku isu diskriminasi pendidikan yang menjurus kepada konflik tahun 2004.

### **Hak Asasi Manusia**

Kebebasan, keadilan dan hak individu telah menjadi isu utama yang dipersoalkan di selatan Thailand pada hari ini. Pelanggaran hak asasi manusia di sana disebabkan oleh tindakan tentera yang agresif dan ganas dalam menyuraikan perhimpunan awam. Mantan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawat yang menggunakan pendekatan tentera untuk mengamankan kawasan Selatan Thailand menyebabkan berlakunya perlanggaran hak asasi manusia di sana. Akta darurat yang dikuatkuaskan di sana memboleh pihak kerajaan khususnya melalui polis dan tentera menangkap orang yang disyaki golongan separatis tanpa sebarang waran. Akta tersebut juga membolehkan pihak berkuasa untuk mendengar perbualan telefon, membuat penapisan sumber berita dan perkara-perkara lain yang menghapuskan kebebasan penduduk di wilayah tersebut. Hak kebebasan OMIP juga turut dinafikan oleh kerajaan Thailand iaitu melalui siri penangkapan, penganiayaan, hukuman kejam malah pembunuhan (Nirwana, 2008). Penduduk awam khususnya sering terdedah dengan

penangkapan tanpa bukti oleh pihak berkuasa dan ada sesetengah ditangkap dan tidak lagi kembali. Senario tersebut adalah perkara yang menjadi kebiasaan di selatan Thailand. Isu yang sama juga turut terjadi kepada golongan agamawan seperti ustaz dan imam apabila mereka turut terdedah dengan serangan tembak curi dan penculikan. Keadaan ini menjadi antara katalis kepada golongan pemisah melancarkan penentangan kepada kerajaan pusat bagi menuntut autonomi.

## **HUBUNGKAIT DASAR KERAJAAN THAILAND DAN KONFLIK PENENTANGAN**

Konflik di Selatan Thailand mempunyai sejarah pergolakan yang panjang dan berliku. Konflik yang telah memakan masa selama dua dekad lebih ini telah mengalami pelbagai transformasi dan dinamik yang disebabkan oleh persekitaran serta pengaruh dan tekanan daripada pelbagai arah. Gerakan pemisah yang dilancarkan oleh beberapa kumpulan yang berasaskan oleh Orang Melayu Islam Patani tidak lain tidak bukan adalah untuk menuntut Patani diberi autonomi dalam berkerajaan. Hal ini dapat dilihat oleh pejuang-pejuang kemerdekaan Patani seperti Tengku Abdul Kadir, Haji Sulong dan Tengku Abdul Jalal.

Penentangan OMIP terhadap dasar-dasar yang dibentuk oleh pemerintah pusat iaitu kerajaan Thailand merupakan survival mereka ketika berhadapan dengan dasar asimilasi yang memaksa. Tindak balas OMIP ini bagaimanapun dilihat sebagai aksi yang negatif dan kolot oleh kerajaan Thailand khususnya dalam perspektif mereka untuk memajukan dan memberdayakan rakyat dan negara.

Perjuangan untuk menuntut keadilan dan autonomi di kalangan OMIP bermula semasa pemerintahan Tengku Abdul Kadir. Penguatkuasaan dasar Thesaphiban mengakibatkan kekuasaan raja-raja Melayu di Patani dikurangkan ditambah lagi dengan sikap pegawai Siam yang menindas rakyat mula menjadi katalis buat penentangan Tengku Abdul Kadir. Penentangan yang dibawa oleh beliau ini dibantu oleh guru-guru agama dan dikenali sebagai Pemberontakan Nasa. Pemberontakan ini dimulakan pada tahun 1922 dan berakhir dengan peristiwa pertempuran di kampung Belukar Semak (Nik Anuar Nik Mahmud, 2008). Dalam pemberontakan ini, kerajaan Thailand mendakwa orang Melayu yang mula melancarkan pemberontakan. Oleh itu, kerajaan Thailand menangkap pemimpin-pemimpin Melayu dan membuatkan Tengku

Abdul Kadir melarikan diri dan bermaustautin di Kelantan. Beliau meninggal dunia di sana pada tahun 1933. Walaupun pemberontakan ini dilihat gagal, namun pada satu sudut pandang yang lain, ianya dilihat memberi hasil yang positif. Hal ini demikian kerana, kerajaan Thailand mula menyedari akan kepentingan untuk menjaga kebebasan dan hak-hak Orang Melayu Islam Patani. Pemerintah Thailand pada ketika itu, Rama VI mula menyusun semula dasar-dasar kerajaan di Patani melalui Kementerian Dalam Negeri pada Julai 1923. Antaranya penstrukturran semula tersebut ialah ;

- i. Amalan-amalan yang bertentangan dengan agama Islam dihentikan dengan segara dan mana-mana dekri atau perundangan yang hendak dikuatkuasakan hendaklah tidak bertentangan dengan agama Islam
- ii. Tarif cukai yang dikutip daripada orang Melayu tidak boleh melebihi tarif yang dipungut oleh Inggeris di negeri Melayu yang bersempadan
- iii. Pegawai-pegawai pemerintah yang ditugaskan di Patani hendaklah mempunyai sikap yang jujur, sopan dan tegas. Mana-mana pegawai yang sedang dikenakan tindakan disiplin kerana kesalahan di tempat lain tidak boleh ditempatkan di Patani.

(Nik Anuar Nik Mahmud, 2008)

Pemberontakan Nasa ini merupakan satu gesaan kepada Kerajaan Thailand untuk menghormati hak, identiti dan budaya OMIP. Walaubagaimanapun, masyarakat Melayu Islam sekali menghadapi tekanan oleh kerajaan Thailand selepas Revolusi 1932. Selaras dengan itu, OMIP bangkit sekali lagi cuba untuk menentang dasar yang dibawa oleh kerajaan Thailand bagi mempertahankan identiti mereka melalui pimpinan golongan agamawan. Haji Sulong bin Abdul Kadir yang merupakan seorang ulama terkenal di Patani telah menubuhkan persatuan di kalangan orang Melayu yang dikenali sebagai al-Hai'ah al-Tanfiziah li al-Ahkam al-Shar'iyyah atau Lembaga Pelaksana Hukum Syariah. Pertubuhan ini bertujuan untuk mengumpul alim ulama dan guru agama di Patani untuk bergabung dan bersatu bagi menentang dasar Rathaniyom yang dilihat cuba untuk memaksa masyarakat Melayu Islam mengasimilasikan identiti dan budaya mereka. Usaha yang dilakukan oleh Lembaga ini ialah melobi pihak luar khususnya kerajaan British untuk masuk campur bagi menyelesaikan polemik yang berlaku. Haji Sulong juga berjaya mengemukakan tuntutan kepada kerajaan Thailand melalui pertubuhan ini bagi memastikan keamanan dan kestabilan di tiga wilayah (Zamberi, 1993). Tujuh tuntutan tersebut adalah seperti berikut :

- i. Menggesa kerajaan Thailand melantik seorang anak tempatan yang dipilih oleh rakyat setempat dan mempunyai kuasa penuh dalam pentadbiran wilayah Islam Patani, Yala, Narathiwat dan Satun.
- ii. Cukai dan hasil pendapatan daripada keempat-empat wilayah berkenaan mestilah dilaburkan untuk projek pembangunan setempat.
- iii. Mengadakan pelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah hingga darjah VI sebelum mempelajari bahasa Thai.
- iv. Pegawai-pegawai kerajaan yang ditadbir keempat-empat wilayah Islam mestilah terdiri daripada 90 peratus orang Melayu-Islam peranakan tempatan.
- v. Bahasa Melayu dan bahasa Thai dijadikan bahasa rasmi.
- vi. Penubuhan Majlis Agama Islam Wilayah yang berkuasa penuh menyelaras hukum Islam bersabit dengan syarak dan kebudayaan di keempat-empat wilayah dengan persetujuan dari ketua dalam syarat bilangan satu (i).
- vii. Kerajaan Thailand mestilah mengasingkan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Wilayah Kerajaan serta memberi kuasa kepada Qadi untuk membicarakan sesuatu kesalahan di Mahkamah Syariah.

(Mohd Zamberi, 1993)

Namun demikian, tuntutan ini tidak berniat untuk melanggar prinsip asas perlombagaan Thailand tetapi ianya adalah untuk memperbaiki status sosial Orang Melayu Islam Patani dan tanah air mereka selaras dengan rekomendasi daripada pihak antarabangsa melalui Pertubuhan Bangsa Bersatu untuk memetingkan hak asasi manusia bagi bangsa yang dijajah. Pada perspektif kerajaan Thailand pula, tuntutan yang dikemukakan oleh Haji Sulong ini adalah sesuatu yang serius dan beranggapan bahawa Lembaga yang diketuai oleh beliau sedang merancang untuk melakukan pemberontakan. Konflik ini menjadi rumit apabila Haji Sulong ditangkap oleh kerajaan Thailand pada Januari 1948 atas dakwaan menderhaka dan merancang untuk melakukan pemberontakan (Zamberi, 2006).

Penangkapan Haji Sulong memberi tekanan dan impak kepada masyarakat Melayu Islam serta menganggap bahawa kerajaan Thailand tidak memberi ruang dan peluang kepada OMIP untuk berpartisipasi dalam ruang lingkup demokrasi. Lantaran itu, OMIP mengalihkan pandangan mereka kepada bantuan pihak luar bagi menyelesaikan masalah ini. Tengku Abdul Jalal meneruskan usaha untuk membela masyarakat Melayu Islam. Beliau melalui Jawatankuasa Perwakilan Melayu Selatan

Thai telah mengirim telegram kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York pada 27 Januari 1948 bertujuan untuk memberi penerangan kepada entiti tersebut tentang penindasan kerajaan Thailand di tiga wilayah. Surat tersebut turut menyatakan bahawa tindakan kerajaan Thailand menangkap para pemimpin masyarakat Melayu Islam melahirkan kebimbangan bahawa akan berlakunya konflik berdarah di selatan Thai (Nik Anuar, 2008). Tengku Abdul Jalal telah memohon PBB untuk menyiasat dakwaan beliau melalui Majlis Keselamatan. Namun demikian, usaha beliau tidak mendatangkan hasil apabila PBB tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap dakwaan tersebut.

Usaha untuk meminta bantuan daripada pihak luar tidak tertumpu daripada pihak Patani sahaja. Di Tanah Melayu, Tengku Mahmud Mahyideen telah mengatur rancangan untuk mendapatkan bantuan daripada British. Ianya adalah perlu bagi memastikan keterlibatan British di tiga wilayah dan menyatukan Patani dengan Tanah Melayu. Tengku Mahmud Mahyideen yang sememangnya mempunyai pengaruh dalam kerajaan British menyuarakan perspektif dan pendapat beliau. Antara lain beliau menyatakan bahawa semasa Perang Dunia Kedua, Thailand telah bersekutu dengan Jepun yang merupakan musuh kepada Pihak Berikat. Thailand telah membentarkan Jepun untuk memasuki Tanah Melayu melalui wilayah jajahan mereka di Selatan (Yaacob, 2009). Namun, inisiatif tersebut juga tidak berhasil apabila British menggunakan pendekatan berbaik-baik dengan Thailand disebabkan oleh saranan daripada Amerika Syarikat. British juga bergantung kepada Thailand untuk mengeksport beras bagi keperluan tanah jajahannya di Tanah Melayu.

Walaupun tidak berjaya untuk melobi dan memohon bantuan daripada luar serta pihak British, ianya tidak mematahkan semangat Orang Melayu Islam Patani untuk terus menentang kerajaan pusat bagi mempertahankan identiti dan budaya mereka di Patani. Pada 1 Mac 1948, OMIP yang berada di Tanah Melayu telah menujuhkan Gabungan Melayu Patani Raya atau GEMPAR yang bertujuan untuk memperjuangkan kebebasan masyarakat Patani dari sudut politik, agama dan tanah air. GEMPAR ditubuhkan atas usaha oleh Tengku Mahmud Mahyideen, Haji Sulong dan Tengku Abdul Jalal (Zaki, 2019). Ketiga-tiga tokoh ini bergabung untuk melobi pihak luar bagi memberi tekanan kepada kerajaan Thailand. Antara matlamat pertubuhan ini ialah:

- i. Menyatukan semua orang Melayu Patani di Selatan Thailand dan keturunannya yang bertaburan di Malaya

- ii. Mengukuhkan hubungan rapat pertalian keluarga di wilayah-wilayah Patani dan memperbaiki taraf hidup mereka di sana
- iii. Bekerjasama antara satu sama lain dan saling bantu-membantu
- iv. Memperbaiki taraf pelajaran dan menghidupkan kebudayaan Melayu di Selatan Thailand

Langkah yang proaktif dilakukan oleh GEMPAR dalam usaha meraih simpati daripada pihak luar dilihat berhasil apabila Raja-raja Melayu di Tanah Melayu, Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS), Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Malay Nasionalist Party (MNP) dan lain-lain lagi telah menyatakan sokongan kepada perjuangan GEMPAR (Zamberi, 1993).

Hasilnya, usaha GEMPAR ini telah memberi tekanan kerajaan Thailand. Hal ini demikian kerana, wujud perbahasan di parlimen Thailand pada 4 Mac 1948 iaitu pengakuan Perdana Menteri Thailand berkenaan sebab-sebab menyekat tuntutan orang Melayu. Antaranya ialah :

- i. Penganiayaan oleh pegawai-pegawai kerajaan Thai yang tidak berpengalaman dan masalah korupsi yang berleluasa dilakukan di kalangan masyarakat Islam Patani
- ii. Dasar pentadbiran Thai sebelumnya yang berupa penekanan telah menghalang kebebasan agama, walaupun telah dibatalkan tetapi masih meninggalkan kesan yang mendalam di hati masyarakat Islam Patani
- iii. Kebanyakan sekolah-sekolah yang terdapat di wilayah-wilayah Islam Patani selama ini cuma diajar dalam pengantar bahasa Thai bukannya bahasa Melayu

Pengakuan oleh Perdana Menteri Thailand itu seolah-olah mereka memahami masalah dasar yang menyebabkan tuntutan OMIP dan seharusnya melakukan perubahan terhadap dasar-dasar yang dilakukan di tiga wilayah. Walaubagaimanapun, tidak berlaku apa-apa perubahan yang berlaku malah kawalan semakin diperketatkan di wilayah selatan Thailand. Kerajaan Thailand menyekat aktiviti GEMPAR dan pemimpin Melayu Patani apabila dilihat cuba berunding dengan British untuk menghalan aktiviti OMIP di Tanah Melayu. Akibatnya, perjuangan GEMPAR akhirnya dimansuhkan oleh British yang telah mengarahkan agar Tengku Mahmud Mohyideen tidak memperjuangkan kemerdekaan. Lebih memburukkan keadaan, Haji Sulong telah hilang dan dipercayai telah dibunuh oleh kerajaan Thailand (Zamberi, 1993).

Memasuki tahun 1960-an, OMIP mulai kembali aktif dalam usaha memperjuangkan hak mereka yang selama ini disekat dan didiskriminasi oleh kerajaan

Thailand. Menurut Yaacob (2009) gerakan perjuangan pada kali ini lebih menjurus kepada pertubuhan gerakan pemisah. Antara pertubuhan tersebut ialah :

1. Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP)
2. Barisan Revolusi Nasional Patani (BRN)
3. Patani United Liberation Organization (PULO)
4. Barisan Bersatu Mujahidin Patani (BBMP)

Kumpulan-kumpulan in telah menjadikan senjata sebagai platform perjuangan setelah mengambil kira usaha-usaha yang dilakukan sebelum ini tidak berjaya. Terdapat dua gerakan yang masih aktif sehingga ke hari ini iaitu BRN dan PULO. BRN melalui pertubuhan sayapnya iaity Runda Kumpulan Kecil (RKK). Pertubuhan ini selalu melakukan pemberontakan dengan melakukan serangan kepada tentera dan pasukan polis disamping terlibat dalam kegiatan membakar sekolah dan menembak guru-guru Thai. Kegiatan mereka ini dipercayai adalah sebagai tindak balas kepada dasar asimilasi Thailand yang menggunakan platform pendidikan sebagai wadah asimilasi. PULO dilihat lebih berfokus kepada perjuangan politik antarabangsa iaitu dengan mendapatkan pengaruh dan sokongan daripada negara-negara dan pertubuhan antarabangsa. Hal ini amat perlu bagi PULO untuk diiktiraf sebagai sebuah kerajaan sementara Patani selaras dengan Deklarasi Hak Asasi Manusia yang digubal pada 10 Januari 1948 (Nirwana, 2008). Deklarasi ini bertujuan melindungi hak semua manusia sama ada di peringkat individu, komuniti, negara maupun antarabangsa. Setiap negara anggota diwajibkan untuk mematuhi deklarasi ini dengan menjadikan ianya sebagai panduan dalam menggubal sesuatu dasar dalam negara. Antara perkara yang terdapat dalam deklarasi tersebut selaras dengan tuntutan PULO terhadap kerajaan Thailand ialah :

Fasal 1: Semua orang dilahirkan merdeka dan mempunyai martabat dan hak-hak yang sama. Mereka juga dikurniakan akal dan hati nurani dan kehendak untuk bergaul satu sama lain dalam bentuk persaudaraan.

Fasal 2: Setiap orang berhak atas semua hak dan kebebasan-kebebasan yang terdapat dalam Deklarasi ini tanpa pengecualian apa pun sama ada pembezaan etnik, warna kulit, jenis kelamin, bahasa, agama, politik atau pandangan lain, asal-usul kebangsaan atau kemasyarakatan, hak milik, kelahiran ataupun kedudukan lain.

Fasal 12: Tidak seorang pun boleh diganggu berkaitan urusan peribadi, keluarga, rumah tangga atau hubungan surat menyurat dengan sewenang-wenangnya; juga tidak dibenarkan pelanggaran terhadap kehormatan dan nama baiknya. Setiap orang berhak mendapat perlindungan undang-undang terhadap gangguan atau pelanggaran seperti ini

Disamping itu, antara tindakan PULO yang lain adalah dengan memberontak melawan kerajaan Thailand yang menguatkuaskan dasar menghapuskan budaya dan identiti OMIP. PULO juga menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan pembebasan yang digerakkan oleh golongan pelajar untuk menentang dan memberontak pentadbiran kerajaan Thailand. Tindakan-tindakan bersenjata juga dilakukan bagi mendapat kemerdekaan atau kuasa autonomi di tiga wilayah yang terletak di Selatan Thailand. Selain itu, ianya juga bertujuan untuk menghapuskan diskriminasi terhadap politik, ekonomi, pendidikan dan sosial di Selatan Thailand (Hacker & Emin, 2010).

Sekitar tahun 1970-an hingga 80-an, kemerosotan dalam perjuangan mulai dialami oleh gerakan pembebasan Patani. Perkara ini disebabkan oleh dua polisi kerajaan Thailand yang dilakukan khas untuk menghapuskan gerakan pemisah. Polisi pertama ialah Operasi Ramkamhaeng dan Kempen Anti-Keganasan yang dilaksanakan antara tahun 1968 hingga 1975. Operasi ini dikuatkuaskan untuk menghapuskan puak pemisah dan pergerakan bawah tanah. Akibat daripada operasi ini, sebanyak 385 pertempuran telah berlaku antara tentera thai dan gerakan pemisah (Farish, 2004). Menurut Zamberi (1993), seramai 1208 penangkapan dibuat dan 329 anggota pejuang pembebasan telah terkorban. Daripada itu, sebanyak 250 kem pejuang telah dimusnahkan dan 1451 senjata telah dirampas. Polisi kedua yang dilaksanakan oleh kerajaan Thailand ialah Peraturan 66/23 yang telah digubal dan diwujudkan oleh Jeneral Prem Tinasulanonde yang bertujuan untuk memupuk kerjasama antara penduduk di kawasan tempatan dan pasukan keselamatan. Melalui polisi ini, dua entiti telah ditubuhkan iaitu *43rd Civil-Police-Military Joint Head (CPM-43)* dan *Administrative Center for the Administration of Southern Border Provinces (ACABSP)*.

Kedua-dua entiti yang ditubuhkan ini mempunyai peranan yang tersendiri. CPM-43 dibentuk untuk mempengaruhi penduduk tempatan untuk bersama-sama dengan pasukan penguatkuasa keselamatan bagi menentang pengaruh komunis termasuklah gerakan pemisah. Hal ini demikian kerana, pada waktu tersebut, gerakan komunis juga bergiat aktif di sempadan Thai dan Tanah Melayu. Polisi ini turut

disokong oleh ACABSP yang berperanan menerima aduan OMIP terhadap salah laku pegawai kerajaan serta menyiasat mana-mana pegawai kerajaan Thailand yang melakukan diskriminasi serta penganiayaan terhadap OMIP. Polisi ini dilihat adalah inisatif kerajaan Thailand untuk mengambil hati serta kerjasama daripada penduduk tempatan untuk menghapuskan gerakan pemisah.

Keadaan ini juga secara tidak langsung memberikan kelegaan dan keadilan buat masyarakat Melayu Islam di Selatan Thailand. Hal ini demikian kerana, selama ini mereka ini telah ditindas dan dizalimi oleh pegawai Thai. Dalam masa yang sama, masyarakat Melayu Islam mula tidak memberikan kerjasama kepada gerakan pemisah. Melalui CPM-43 juga, pengampunan terbuka telah ditawarkan serta diberikan kepada ahli-ahli anggota gerakan pemisah untuk menyerah diri. Sekitar tahun 70-an, didapati ramai anggota pemisah menyerah diri. Selain itu, wujud konflik dalaman di setiap gerakan pemisah hingga membawa kepada perpecahan (Chidchanok, 2001). Perpecahan tersebut akhirnya menjadikan penentangan PULO terhadap kerajaan Thailand akhirnya terkubur pada tahun 70-an sebelum ianya menjelma semula pada tahun 2004.

Pada tahun 2004, peranan PULO semakin aktif dan diiktiraf apabila negara-negara luar seperti Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura mulai menumpukan perhatian kepada konflik yang berlaku di Selatan Thailand. Pertubuhan antarabangsa seperti Organization of Islamic Conference (OIC) dan ASEAN mulai menyatakan sokongan serta memberi bantuan untuk menghentikan konflik yang berlaku. PULO mula mengadakan hubungan dengan OIC untuk memperoleh pengaruh pertubuhan tersebut agar dapat memberi tekanan kepada kerajaan Thailand agar lebih prihatin terhadap identiti dan budaya OMIP di tiga wilayah di selatan Thailand. Kenyataan ini disokong oleh OIC yang menjalankan langkah proaktif sebagai orang tengah untuk menyelesaikan kemelut antara Thailand dan PULO. Presiden PULO iaitu Abu Yasir Fikri telah menerima jemputan oleh OIC dalam pertemuan pada 18 hingga 19 April 2009. Jemputan tersebut adalah untuk pihak PULO memberi penerangan kepada OIC berkenaan dengan konflik di Selatan Thailand dan perspektif PULO terhadap OMIP dan kerajaan Thailand (Hacker & Emin, 2010). Usaha OIC ini adalah berfokus kepada mendesak kerajaan Thailand untuk mengurangkan tekanan di samping memberi kebebasan kepada OMIP untuk mengamalkan budaya dan identiti mereka di selatan

Thailand. Perkara ini selaras dengan fasal yang terdapat dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia dan *International Humanitarian Laws* yang dicetuskan oleh PBB.

## **ANALISIS PENENTANGAN DAN GERAKAN PEMISAH**

Pada pendapat penulis, sememangnya dapat dilihat bahawa penentangan kepada kerajaan pusat adalah berpunca daripada diskriminasi identiti dan budaya terhadap OMIP. Hal ini menyebabkan timbulnya beberapa tuntutan untuk berkerajaan sendiri oleh tokoh-tokoh dan pertubuhan pemisah. Walaupun pada awalnya, pemberontakan ini berlaku disebabkan oleh isu penjajahan dan kemerdekaan, namun ianya semakin berpanjangan apabila pemberontakan turut dicetuskan daripada isu identiti dan budaya. Perubahan ini menyebabkan ianya menjadi katalis kepada OMIP memberontak dengan lebih agresif lagi. Perubahan identiti dan budaya menyebabkan OMIP menentang khususnya Dasar Rathaniyom . Walaupun daripada sudut pandang kerajaan Thailand ianya merupakan pendekatan untuk membawa keamanan di selatan Thailand, namun ianya dilihat oleh OMIP sebagai dasar yang bersifat autokratik yang memaksa rakyat daripada pelbagai kelompok dan budaya menerima identiti Thai. Pemaksaan tersebut menyebabkan OMIP di selatan Thailand sukar dan tidak boleh menerima perlaksanaan dasar tersebut.

Daripada sudut perhubungan pula, jelas kerajaan Thailand tidak menyediakan salura-saluran untuk OMIP memberi maklum balas dalam pentadbiran Thailand. Medium yang boleh digunakan sebagai respons kepada perkara tersebut ialah melalui platform demonstrasi dan juga perjuangan bersenjata untuk menyuarakan keimbangan dan suara mereka. Ianya juga adalah medium untuk menekan kerajaan Thailand menghormati kehendak mereka. Jaringan komunikasi juga terbatas dalam ruang lingkup demokrasi yang menjadi asas di Thailand. Institusi yang ditubuhkan seperti SBPAC yang diaturkan sebagai platform suara OMIP juga tidak dapat berfungsi dengan optimum disebabkan oleh pengendalian tadbir urus oleh pegawai Thai yang tidak bersungguh-sungguh membantu OMIP. Unsur-unsur etnosentrik, prejudis dan streetaip masih lagi menjadi halangan kepada usaha untuk membawa perdamaian dan keamanan di wilayah Selatan Thailand.

Dalam berhadapan dengan tindak balas Kerajaan Thailand pula, OMIP telah bersatu atas alasan identiti dan budaya yang sama. Walaupun dasar tidak membenarkan

mereka mengamalkan budaya Melayu, namun mereka masih lagi mencari alternatif untuk mempertahankan budaya dan identiti mereka. Selain daripada perjuangan melalui persenjataan, OMIP mengajar dan mendidik anak-anak mereka di rumah maupun pondok tentang adat dan budaya Melayu.

Orang Melayu Islam Patani turut menggerakkan inisiatif mencari sumber kuasa yang boleh meningkatkan keberkesanana mereka melawan kerajaan Thailand. Antaranya ialah melalui gerakan separatis, pertubuhan antarabangsa OIC dan PBB khusus untuk menekan kerajaan Thailand memberikan kebebasan kepada OMIP untuk mengamalkan identiti dan budaya mereka secara total. Hal ini demikian kerana, mereka tidak mahu digelar sebagai Thai-Muslim sebaliknya diberi pengiktirafan sebagai Melayu-Muslim. Untuk hal ehwal dalaman pula, OMIP mengambil Langkah untuk membentuk kesatuan antara satu sama lain bagi memperkuuhkan kedudukan mereka sebagai orang Melayu di Selatan Thai. Hasil daripada kesatuan itu, kerajaan Thailand mula melonggarkan OMIP untuk mengamalkan identiti dan budaya mereka di tiga wilayah tersebut.

## KESIMPULAN

Penentangan OMIP di Selatan Thailand wajar difahami sebagai konflik yang bermula dengan penentangan untuk membebaskan tanah air. Tuntutan untuk berkerajaan sendiri dimulakan oleh tokoh-tokoh penggerak seperti Haji Sulong. Namun demikian, tidak seagresif gerakan pemisahan yang lain, tokoh-tokoh pendahulu hanya mengemukakan tuntutan autonomi dalam beberapa perkara sahaja. Perkara ini khusus kepada penentangan terhadap dasar dan polisi asimilasi kerajaan Thailand.

Oleh itu, jelas dapat dilihat bahawa dasar dan polisi yang dibawa oleh kerajaan Thailand nyatanya memberi sebab penentangan yang agresif dan kuat oleh masyarakat Orang Melayu Islam di Patani. Penentangan dan gerakan pemisahan ini tidak hanya tertumpu kepada tuntutan kepada berkerajaan sendiri sahaja, namun ianya juga membawa isu pengamalan identiti dan budaya oleh Orang Melayu Islam di Selatan Thailand.

## RUJUKAN

- Al-Fatani, A.F. 1994. Pengantar Sejarah Patani. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Chidchanok, R. 2001. Peace resolution: a case study of separatism and terrorist movement in southern border provinces of Thailand. Atas talian. <http://www.geocities.com/bluesing2001/media/peaceresolution.htm> (2 Mac 2021).
- Danial, M. 2004. Konflik selatan Thailand dan transformasi sosial. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Farish A.N. 2004. Sejarah Patani yang tidak tercatat. Atas talian. <http://www.geocities.com.ummahonline/kolumn/farish/040512farish-patani.htm> (2 Mac 2021).
- Jitpiromsri, S. 2010. Sixth year of the southern fire: dynamic of insurgency and formation of the new imagined violence. Atas talian. <http://www.deepsouthwatch.org/node/730> (13 April 2021).
- McCargo, D. 2009. *Tearing apart the land: Islam and legitimacy in southern Thailand*. Singapore: NUS Press.
- Mohd Irwan Syazli & Mohammad Agus. 2020. Separatisme dan terorisme di Asia Tenggara : Kajian kes GAM, MILF dan PULO. Jebat. Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies. UKM
- Mohd Zamberi A. Malek. 1993. Umat Islam Patani: sejarah dan politik. Shah Alam: Hizbi.
- Mohd Zamberi A. Malek. 1994. Patani dalam Tamadun Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Zamberi A. Malek. 2006. Pensejarahan Patani. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Miall, H. 2001. Conflict transformation: a Multi-dimensional task. Atas talian. [http://www.inglewhite.net/pfp/pdfpapers/p2-miall\\_handbook.pdf](http://www.inglewhite.net/pfp/pdfpapers/p2-miall_handbook.pdf) (28 Mac 2021).

Nik Anuar Nik Mahmud. 2008. *The Malay of Patani: the search for security and independence*. Bangi: UKM.

Nirwana, F. 2008. Sejarah nasional hak asasi manusia. Atas talian. <http://farah-web.blogspot.com/2008/01/sejarah-nasional-hak-asasi-manusia.html> (21 Mac 2021).

Syukri, I. 1958. Sejarah Kerajaan Melayu Patani. Cetakan semula 2002. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yaacob, C.M.A. 2009. Konflik pemisah di selatan Thailand: isu, aktor dan penyelesaian. Tesis M.A., Universiti Sains Malaysia

Yaacob, C.M.A. 2012. Asimilasi bangsa Melayu di Patani: Keberkesanan dasar dan survival budaya minority. Jebat. Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies. UKM